

Vidisic® Gel

Komposisi

1 g gel mengandungi 2 mg *carbomer*, *cetrimide*, sorbitol, natrium hidroksida, air steril.

Indikasi

Gantian bendalir lakrimal dalam keadaan kekurangan pengeluaran air mata, kekeringan mata.

Kontraindikasi

Tindak balas hipersensitif pada *cetrimide*.

Kesan sampingan

Awas : Walaupun diberikan mengikut arahan, produk ini mungkin mengakibatkan kekaburan penglihatan sementara, dan pesakit perlu berhati-hati semasa memandu kenderaan atau mengendalikan mesin.

Dos dan pemberian produk

Melainkan diberi arahan berlainan, dan berpandukan tahap keseriusan serta bentuk masalah, titiskan satu titik ke dalam pelupuk mata 3-5 kali atau lebih kerap pada waktu siang hari, dan sebelum tidur pada waktu malam. Jangan gunakan Vidisic semasa memakai kanta lekap.

Ciri-ciri:

Gel Vidisic berbentuk titisan, jadi ia mudah dan selesa untuk digunakan. Semasa menitiskan gel, pegang tiub secara menegak supaya satu titisan kecil yang mudah menitik akan terbentuk. Oleh sebab kelikatannya yang tinggi, gel Vidisic juga sesuai untuk merawat simptom kekeringan mata yang teruk. Suatu selaput tipis yang melekap dan tahan lama akan terbentuk, melembapkan kornea dan konjunktiva, sehingga walaupun masalah yang dihadapi agak serius, hanya beberapa kali penggunaan (4-5 kali sehari) sudah memadai untuk kelegaan dan pemulihan.

Gel Vidisic mendatangkan rasa segar dan dingin. Ia dapat digunakan dengan selamat mengikut keperluan, atau lebih kerap daripada itu.

Pesanan Khas

Sama seperti semua persediaan oftalmik lain, ia hendaklah dibuang selepas sebulan dibuka. Jangan simpan pada suhu melampaui 25°C. Jangan guna jika tiub rosak.

Rupa Bentuk

Tiub 10 g.

Simpan semua ubat di tempat yang selamat dan jauh daripada jangkauan kanak-kanak! Jauhi daripada kanak-kanak.

Maklumat tambahan boleh diperolehi daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Dr. Gerhard Mann, Chem.-pharm. Fabrik GmbH,
Brunsbuteler Damm 165-173, 13581 Berlin, Jerman

Vidisic ialah tanda dagangan berdaftar Bausch & Lomb Incorporated atau anggota gabungannya.

© Bausch & Lomb Incorporated.